

**Puteri Diraja Thailand Melawat Ikim
Bernama
24 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Puteri Maha Chakri Sirindhorn dari Thailand, yang berada di sini untuk lawatan sehari, menghabiskan masa kira-kira dua jam mengunjungi Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) di sini pada Selasa.

Ketibaan puteri diraja itu bersama rombongannya terdiri pensyarah dan pelajar Akademi Tentera Diraja Chulachomklao, Thailand, disambut oleh bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi yang juga Pengerusi Ikim.

Rombongan pelawat itu kemudian diberi taklimat mengenai Islam di Malaysia oleh Abdullah, dan selepas itu mengambil bahagian dalam satu sesi dialog singkat sebelum melawat perpustakaan institut tersebut.

Dalam ucapannya Abdullah berkata walaupun Islam merupakan agama rasmi Persekutuan Tanah Melayu, agama-agama lain boleh diamalkan secara bebas.

"Kami telah mencapai persetujuan bersama dengan pemimpin pelbagai kaum untuk memelihara kedudukan Islam dan hak bagi amalan agama lain," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=682794>

